

# Syabu RM1.2j dirampas

Sinar  
2019

**JOHOR BAHRU** - Cubaan seorang pekerja pusat hiburan bersama abang iparnya, warga Indonesia untuk menyeludup laman kilogram dadah jenis syabu bernilai RM1.2 juta tidak berhasil apabila ditahan anggota Pasukan Polis Marin Wilayah Dua (PPMW2) di Perairan Kukup, Pontian, dekat sini, petang kelmarin.

Kedua-dua lelaki berkenaan yang berusia 23 dan 35 itu diberkas kira-kira jam 4.15 petang selepas taktik menyembunyikan dadah dalam pek minuman dan makanan segera berjaya dihidu pihak berkuasa.

Ketua Polis Johor, Datuk Wan Ahmad Najmuddin berkata, dadah berkenaan disyaki

cuba dibawa ke Indonesia untuk dipasarkan kepada penagih di sana.

"Difahamkan, kegiatan dua suspek berkenaan dapat dihidu sepasukan polis dari unit PPMW2 yang sedang melakukan rondaan sempena Op Gelora.

"Mereka dicekup di atas sebuah bot pancung berukuran 7x14 kaki dengan menggunakan enjin 15 kuasa kuda di tengah laut dua kilometer dari kawasan pantai. Mereka juga dikatakan menggunakan modus operandi sebagai pemancing bagi mengaburi pihak berkuasa," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media di Ibu

Pejabat Polis Kontinjen Johor; di sini, semalam.

Wan Ahmad Najmuddin berkata, hasil siasatan mendapati, dadah yang dipercayai ingin diseludup ke negara jiran itu cukup untuk menampung kegunaan lebih 40,000 orang penagih pada sesuatu masa.

"Ujian air kencing yang dijalankan terhadap suspek juga dilaporkan negatif dan mengikut keterangan yang diberikan suspek tidak menunjukkan bahawa kedua-dua mereka adalah penagih.

"Berdasarkan kemampuan bot yang digunakan suspek, polis mengesyaki kedua-dua suspek ini hanya ditugaskan untuk menunggu seseorang untuk mengambil dadah berkenaan kerana bot berkenaan tidak sesuai digunakan bagi merentas sempadan.

"Kedua-dua suspek telah ditahan reman selama seminggu dan kes disiasat di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 yang memperuntukkan hukuman mati mandatori jika sabit kesalahan," katanya.

Menurutnya, polis akan perketat kawalan di seluruh perairan negeri bagi mencegah kegiatan seumpama itu.



Wan Ahmad Najmuddin (dua, kanan) menunjukkan dadah jenis syabu yang berjaya dirampas.